

NAMA: _____	KELAS: _____
-------------	--------------



**SEKOLAH KEBANGSAAN POS RAYA  
KAMPUNG KEPAYANG  
SIMPANG PULAI**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2016  
TAHUN 4**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**011**

**Mei**

**1 ¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>	
<b>MARKAH BAHAGIAN B</b>	
No. Soalan	Markah
21	
22	(a) (b) (c)
23	(a) (b) (c)
24	(a) (b) (c) (d)
25	(a) (b) (c) (d)
<b>Jumlah</b>	
30	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
[20 markah]

**Soalan 1 hingga 14.**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Wahai, Tuah! Pada pendapat \_\_\_\_\_ eloklah kita berangkat sekarang," kata Hang Jebat.
- A beta  
B patik  
C hamba  
D tuan hamba

**Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.**



2. Ibu memasukkan \_\_\_\_\_ garam ke dalam gulai ikan tongkol itu.
- A sekepal  
B secebis  
C secubit  
D sebutir
3. Zamarul terpaksa bekerja \_\_\_\_\_ pagi hingga malam kerana syarikatnya tidak mempunyai tenaga pekerja yang mencukupi.
- A di  
B pada  
C antara  
D dari
4. Tangan ibu berbau \_\_\_\_\_ setelah menyiang beberapa ekor ikan.
- A hanyir  
B hamis  
C hapak  
D hancing
1. Murid-murid \_\_\_\_\_ tangan semasa membentuk bulatan di padang.
- A pemegang  
B memegang  
C berpegangan  
D terpegang

**Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.**



6. Bulu tangkis Awin jatuh ke \_\_\_\_\_ longkang itu.  
**A** bawah  
**B** tengah  
**C** dalam  
**D** belakang

**Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah ini.**



7. Puan Asyikin sedang \_\_\_\_\_ beraneka jenis pokok bunga di halaman rumahnya.  
**A** penanaman  
**B** bertanam  
**C** menanam  
**D** tanaman
8. Kepala paip hendaklah ditutup \_\_\_\_\_ untuk mengelakkan pembaziran air  
**A** erat-erat  
**B** ketat-ketat  
**C** rapat-rapat  
**D** cukup-cukup
9. Dia memang \_\_\_\_\_, segala nasihat daripada orang tua dan kawan-kawan tidak dihiraukannya.  
**A** naik kepala  
**B** sakit  
 kepala  
**C** keras kepala  
**D** kepala dalam
10. Anda perlu membawa kad pengenalan \_\_\_\_\_ sekeping gambar berukuran pasport.  
**A** sambil  
**B** lalu  
**C** tetapi  
**D** dan
11. Salim sedang menyembur \_\_\_\_\_ pada badannya selepas mandi.  
**A** minyak hitam  
**B** minyak rambut  
**C** minyak masak  
**D** minyak wangi

12. Pergerakan pemain bola keranjang yang \_\_\_\_\_ itu sukar dikawal oleh pihak lawan.  
**A** tangkas  
**B** pandai  
**C** cermat  
**D** laju
13. \_\_\_\_\_ yang ditanam di sepanjang jalan utama itu sudah berusia puluhan tahun.  
**A** Pepohon  
**B** Dedaun  
**C** Lelabu  
**D** Bebawang
14. Pendatang asing itu \_\_\_\_\_ menjawab soalan yang diajukan oleh anggota polis.  
**A** terkedu-kedu  
**B** tergagap-gagap  
**C** terkial-kial  
**D** terkelip-kelip

**Soalan 15***Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

15. Ramli berjanji kepada Ramu bahawa dia akan berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.  
**A** Ramli berjanji kepada Ramu, “Saya berjanji akan pergi pada pukul 4.00 petang ke dewan badminton.”  
**B** Kata Ramli kepada Ramu, “Saya berjanji akan berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”  
**C** Kata Ramli kepada Ramu, “Kita berjanji berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”  
**D** Kata Ramli kepada Ramu, “Kamu berjanji akan datang ke dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”

**Soalan 16.***Pilih ayat yang betul.*

16. I Jari telunjuk Ramasamy luka terkena pisau yang tajam.  
II Kesihatan datuk tidak berapa segar sejak semalam.  
III Pendengaran nenek semakin kabur akhir-akhir ini kerana sudah tua.  
IV Ubi kentang yang direbus oleh kakak itu sudah empuk.  
**A** I dan II  
**B** II dan III  
**C** III dan IV  
**D** I dan IV

**Soalan 17 hingga 20.**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Negara kita mempunyai lebuh raya antara yang terbaik di dunia. Antara lebuh raya yang terdapat di negara kita ialah Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuh Raya Pantai Timur.

Pembinaan lebuh raya dapat memendekkan perjalanan dan menjimatkan masa. Secara tidak langsung penghantaran barang dan pengangkutan penumpang menjadi lebih cepat. Selain itu, pembinaan lebuh raya juga bertujuan untuk memajukan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

Penggunaan juga berasa lebih selamat dan selesa menggunakan lebuh raya kerana jalannya lebih besar, rata dan lurus. Terdapat juga kemudahan untuk mendapatkan barang-barang keperluan, tempat rehat dan surau di kawasan rehat dan rawat (R&R). Pengguna lebuh raya yang menghadapi masalah seperti kerosakan kenderaan dan kemalangan, boleh menggunakan telefon kecemasan yang disediakan di sepanjang lebuh raya.

Pembinaan lebuh raya juga dapat memberi peluang pekerjaan seperti peniaga-peniaga gerai di kawasan R&R, jurutol dan kerja-kerja penyelanggaraan. Penduduk setempat juga berpeluang memasarkan hasil pertanian di gerai-gerai yang terdapat di R&R.

Kesimpulannya, pembinaan lebuh raya di negara kita mampu meningkatkan ekonomi penduduk yang tinggal di sepanjang lebuh raya.

17. Selain memajukan kawasan yang berhampiran, faktor utama lebuh raya dibina adalah untuk
  - A meningkatkan hasil pertanian.
  - B menyelesaikan masalah penduduk.
  - C menjimatkan perbelanjaan penduduk.
  - D memendekkan perjalanan dan menjimatkan masa.
18. Apakah faedah lebuh raya ini kepada penduduk setempat?
  - A Memenuhi keperluan penduduk
  - B Menambahkan pendapatan penduduk
  - C Mendapatkan rehat yang cukup di R & R
  - D Membantu kerja-kerja penyelenggaraan
19. Berikut adalah kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan R&R, **kecuali**
  - A restoran
  - B stesen minyak
  - C pasar raya
  - D penyelenggaraan
20. Mengapakah telefon kecemasan disediakan di sepanjang lebuh raya?
  - A kerana lebuh raya lebih lebar dan lurus
  - B terdapat tempat perniagaan
  - C untuk melaporkan masalah kenderaan
  - D kerana ramai pengguna lebuh raya

## BAHAGIAN B

[30 markah]

**Soalan 21.**

Senaraikan **kata berimbuhan apitan** yang terdapat dalam petikan.

Setelah air naik ke paras yang berbahaya, pihak penyelamat mengarahkan penduduk kampung mengemasakan barang-barang penting dan berharga untuk berpindah ke tempat yang selamat. Kanak-kanak pula dilarang bermain air banjir.

E \_\_\_\_\_

F \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat yang diberi.

agak

hingga

benar

dari

pada

paling

E Pemandangan di Pantai Teluk Batik cantik \_\_\_\_\_.

F Jalan raya di hadapan sekolah itu akan menjadi sesak \_\_\_\_\_ waktu petang kerana murid-murid pulang.

[ 2 markah ]

**Soalan 22.**a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Ayat tanya : \_\_\_\_\_

Jawapan : Tujuan gelanggang tersebut dibina oleh penduduk kampung adalah untuk aktiviti kesenian.

[ 2 markah ]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah ini.





- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

---



---

[ 2 markah ]

**Soalan 23**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pokok sentul atau kecapi ialah pokok hutan yang tergolong dalam kategori pokok buah-buhan nadir di Malaysia. Pokok ini jarang-jarang ditemukan dan ramai dalam kalangan generasi muda tidak mengenalinya. Pokok sentul tumbuh subur di kawasan yang mempunyai taburan hujan yang sekata. Pokok ini tahan cuaca. Oleh sebab itu, pokok sentul dapat tumbuh di kawasan bermusim panas yang panjang. Keistimewaan pokok sentul ialah pokok ini berbunga dan berbuah mengikut musim, iaitu dua kali setahun. Bagi musim pertama, pokok sentul berbunga selepas musim kemarau, iaitu dari bulan Februari hingga Mac. Buahnya pula masak dari bulan Jun hingga Julai. Bagi musim kedua, pokok sentul berbunga dari Ogos hingga September dan buahnya masak pada Disember.

Buah sentul enak dimakan. Buahnya berbentuk bebola, berwarna kuning keemasan, dan berbulu lembut. Kulit buahnya tebal dan agak liat. Isinya berulas-ulas, lembut, dan berwarna putih. Rasanya masam-masam manis. Selain dimakan begitu sahaja, buah sentul juga dibuat acar dan jeruk. Kulit buahnya juga boleh dimakan mentah atau dimasak sebagai sayur lemak dan dijadikan lauk.

- a. Pokok sentul tumbuh subur di \_\_\_\_\_.

[ 1 markah ]

- b. Bilakah pokok sentul berbunga?
- 
- 

[ 2 markah ]

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Kulit buah sentul tebal dan agak liat.

Pokok sentul banyak ditemukan di Malaysia.

Isi buah sentul berulas-ulas, lembut dan berwarna putih.

Buah sentul enak dibuat acar dan jeruk.

betul

salah

[ 2 markah ]

**Soalan 24***Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Farrah: Lokman, ke manakah kamu dan keluarga pergi pada hujung minggu lepas?

Lokman: Pada hujung minggu lepas, saya dan keluarga pergi ke Muzium Negeri Sembilan di Kompleks Taman Seni Budaya, Seremban.

Farrah: Wah, menariknya! Ceritakanlah perasaan kamu semasa berada di sana.

Lokman: Semasa berada di sana, saya berasa seronok sekali. Saya dapat menimba ilmu dan pengalaman baharu. Saya teruja melihat bahan-bahan artifak yang dipamerkan. Tetapi, yang menarik perhatian saya ialah bumbung muzium itu yang kelihatan seperti tanduk kerbau. Seni bina tersebut menonjolkan ciri-ciri budaya masyarakat Minangkabau.

Farrah: Oh, begitu! Apakah tarikan utama muzium tersebut?

Lokman: Tarikan utama muzium tersebut ialah Galeri Setem dan Filateli, Galeri Monumen, Tapak Tanah Bersejarah Negeri Sembilan, Rumah Contoh Negeri Sembilan, dan Pameran Prasejarah.

Farrah: Selain mengunjungi muzium itu, apakah aktiviti lain yang kamu lakukan di sana?

Lokman: Oh, ya! Untuk pengetahuan kamu, kami juga melawat ke Istana Ampang Tinggi yang terletak berhampiran dengan muzium tersebut. Dahulunya, istana kayu ini menjadi tempat kediaman kerabat diraja.

Farrah: Terima kasih kerana berkongsi pengalaman kamu dengan saya, Lokman.

Lokman: Sama-sama, Farrah.

- a. Perkataan **menonjolkan** dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

---

[ 1 markah ]

- b. Mengapakah Lokman berasa seronok mengunjungi Muzium Negeri Sembilan?

---

---

[ 2 markah ]

- c. Apakah perkara yang menarik perhatian Lokman di Muzium Negeri Sembilan?

---

---

[ 2 markah ]

- d. Pada pendapat kamu, wajarkah kanak-kanak dibawa ke tempat-tempat bersejarah? Mengapa?

---

---

---

[ 3 markah ]

**Soalan 25**

Baca sajak di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Burung-burung  
bebas di angkasa  
terbang ke sana ke sini tanpa gangguan  
kicaumu sungguh menghiburkan  
hati yang lara menjadi girang  
fikiran yang kacau menjadi tenang.

Burung-burung  
terbang di angkasa tinggi-tinggi  
bebas mencari makanan  
di alam yang terbentang luas  
tiada halangan.

Namun kini  
alam kian berubah  
pembangunan semakin pesat  
terbangmu burung bagai disekat.

- a. Apakah maksud rangkap terakhir sajak di atas?

---



---

[ 2 markah ]

- b. Bagaimanakah keadaan burung sebelum pembangunan kian pesat?

---



---

[ 1 markah ]

- c. Tandakan ( ✓ ) bagi pernyataan yang betul atau ( ✗ ) bagi pernyataan yang salah berdasarkan sajak tersebut.

Kicau burung menenangkan fikiran.	<input type="checkbox"/>	Kemajuan negara memudahkan burung mencari makanan.	<input type="checkbox"/>
-----------------------------------	--------------------------	--	--------------------------

[ 1 markah ]

Kicaumu sungguh menghiburkan hati yang lara  
menjadi girang

- d. Terangkan maksud baris-baris sajak di atas.

---



---

[ 3 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

